

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah- langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan jumlah dividen yang boleh diberi kepada para peserta Tanam Semula Berkelompok (TSK) yang dikelolakan oleh FELCRA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa peranan utama FELCRA Berhad adalah menyatu, memulih dan memajukan tanah-tanah terbiar sama ada milik individu atau milik Kerajaan Negeri (yang kemudiannya diserahkan kepada peserta), yang dimajukan dengan komoditi sawit, getah dan padi.

Pembayaran dividen bergantung kepada harga pasaran komoditi, produktiviti ladang, kos operasi ladang, termasuk bayaran caj Pengurusan FELCRA dan jumlah bayaran balik hutang.

FELCRA Berhad telah mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan produktiviti ladang sawit melalui operasi ladang dan bukan ladang. Di antaranya adalah mengaplikasikan penggunaan mekanisasi di ladang, memperkukuhkan aplikasi sistem maklumat, melaksanakan amalan pengurusan air yang baik serta kaedah penuaian yang berkesan.

NO. SOALAN : 17

Langkah-langkah berkaitan operasi ladang dibahagikan kepada tiga perkara:

- a) Pemantauan ladang yang berkesan dilaksanakan bagi semua ladang-ladang;
- b) Penggunaan drone dan pemetaan UAV (*unmanned aerial vehicle*) digunakan bagi mendapatkan gambaran keseluruhan ladang sawit; dan
- c) Perbekalan input pertanian ladang terutamanya baja dibuat mengikut jadual yang telah dipersetujui oleh Pengurusan dan pembekal.

Langkah-langkah berkaitan operasi bukan ladang pula dibahagikan kepada dua (2) perkara:

- a) FELCRA sedang memperhebatkan penyusunan semula gerakan koperasi peserta supaya dapat memberikan impak sosio ekonomi yang lebih kukuh seperti menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada generasi kedua sama ada dalam bidang kerja-kerja ladang mahupun di bidang pengurusan koperasi itu sendiri.
- b) Seramai 953 usahawan peserta telah menerima bimbingan daripada FELCRA di dalam enam (6) bidang utama iaitu perkhidmatan, akuakultur, tanaman, ternakan, makanan dan minuman, dan pembuatan. Anggaran pendapatan bulanan mereka adalah sekitar RM1,000.00 hingga RM1,500.00.